

AirAsia lancar kurier kos rendah

Syarikat sasar khidmat Redbox beri pendapatan tambahan RM30j setahun



FERNANDES (kiri), Azran, Chow dan Santer (kanan) pada pelancaran perkhidmatan Redbox di Kuala Lumpur, semalam.

AirAsia Bhd melancarkan perkhidmatan kurier kos rendah, dikenali Redbox yang dijangka memberikannya pendapatan tambahan kira-kira RM30j setahun mulai tahun depan.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Seri Tony Fernandes, berkata pasaran perkhidmatan itu adalah cerah dan dijangka mendapat sambutan memandangkan caj perkhidmatan penghantaran biasa yang agak mahal. Beliau berkata, perkhidmatan kos rendah pertama dunia itu adalah 50 peratus lebih murah daripada yang dikenakan kebanyakan syarikat kurier yang sedia ada.

“Kami tidak menjangkakan pulangan yang besar dalam tempoh enam bulan akan datang daripada perkhidmatan ini. Bagaimanapun ia dijangkakan memberi pendapatan tambahan kira-kira RM30juta tahun depan,” katanya selepas majlis pelancaran perkhidmatan Redbox di Kuala Lumpur, semalam.

Turut hadir, Pengarah Urusan Mail Boxes Etc (MBE), Brian Chow, Ketua Eksekutif AirAsia X, Azran Osman Rani, Ketua Serantau Bahagian Kargo AirAsia, Sathis Manoharen dan Pengarah Urusan dan Ketua Eksekutif DMSBT Group iaitu rakan kongsi kepada Google Enterprise Partner, Damien Santer.

Tony berkata, untuk menghantar bungkusan menerusi Redbox, pelanggan boleh menempah menerusi laman web <http://redbox.airasia.com> atau www.airasia.com dan memilih destinasi penghantaran, saiz kotak dan pakej berat seterusnya membayar secara online menggunakan kad kredit atau debit.

Mereka juga boleh membuat transaksi tunai menerusi pusat jualan di rangkaian kedai Mail Boxes Etc.

“Redbox menawarkan perkhidmatan pintu ke pintu menggunakan maklumat tempahan di laman web berkenaan,” kata Tony. Harga bagi perkhidmatan itu adalah antara RM47 hingga RM193 bergantung kepada saiz kotak dan pakej berat. Kotak Redbox didatangkan dalam 10 saiz dengan pecahan berat antara lima kilogram (kg) hingga 25 kg.

Sementara itu, Azran berkata, buat permulaan perkhidmatan Redbox disediakan bagi penghantaran bungkusan di antara kawasan tengah semenanjung iaitu Kuala Lumpur, Selangor dan beberapa kawasan terpilih Negeri Sembilann dengan Sabah dan Sarawak meliputi bandar raya Kuching, Miri, Sibul, Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan.

“Ia akan diperluaskan ke semua destinasi AirAsia dan AirAsia X, awal tahun depan,” katanya, sambil menambah tempoh penghantaran adalah antara dua hingga tiga hari bekerja.

Oleh AZLI AYOB